

PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan. LKAN ini melaporkan pengauditan berkaitan pengurusan enam syarikat Kerajaan Persekutuan. Secara keseluruhannya, lima syarikat mencapai objektif penubuhan syarikat; dua syarikat menunjukkan tahap pemakaian amalan tadbir urus korporat yang baik; dan tiga syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang stabil. Jumlah keseluruhan modal berbayar bagi empat syarikat berhad menurut syer ialah RM573.27 juta. Ringkasan penemuan utama bagi syarikat berkenaan adalah seperti berikut:

1.1. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

- a. Modal berbayar: Tiada (syarikat berhad menurut jaminan).
- b. Aktiviti utama: Menjalankan aktiviti berkaitan Islam melalui penyelidikan dan perundingan, penerbitan, media, seminar/bengkel/forum dan latihan.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat pada tahap baik; dan kedudukan kewangan adalah stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - i. Kesemua 10 KPI utama tidak dicapai (53.8% hingga 96.6%).
 - ii. Sasaran tidak dicapai bagi liputan media peringkat kebangsaan tahun 2020 (65.5%) dan bilangan resolusi/laporan penyelidikan diserahkan tahun 2021 (33.3%).
 - iii. Penurunan *ranking* radio, penonton TV IKIM dan *likes* di Facebook.
 - iv. 44% rancangan radio disiarkan tanpa kelulusan Ketua Pengarah IKIM.
 - v. Perolehan Koleksi Tamadun Islam berjumlah RM10.16 juta dan tanah bernilai RM37.24 juta tidak dimanfaatkan.

1.2. Grand Borneo Hotel Sdn. Bhd. (Grand Borneo)

- a. Modal berbayar: RM38.27 juta.
- b. Aktiviti utama: Mengurus resort Kumpulan Felda Residence.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat belum tercapai sepenuhnya; tadbir urus korporat pada tahap kurang memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah kurang stabil.

- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
- i. 42.9% dan 67.5% kadar pengisian bilik bagi tahun 2020 dan 2021 tidak mencapai sasaran ditetapkan.
 - ii. Perkongsian keuntungan tidak dapat ditentukan kerana penyata kewangan tahun 2019, 2020 dan 2021 belum dimuktamadkan.
 - iii. RM49.88 juta kerugian terkumpul pada tahun 2020.
 - iv. RM225,626 (33.5%) hutang melebihi 120 hari.
 - v. Lapan aspek tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya.

1.3. Institute of Technology PETRONAS Sdn. Bhd. (ITPSB)

- a. Modal berbayar: RM20 juta.
- b. Aktiviti utama: Menjalankan perniagaan universiti swasta.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat pada tahap baik; dan kedudukan kewangan adalah stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - i. Tiga daripada lima KPI tidak mencapai sasaran tahun 2019 hingga 2021.
 - ii. Prestasi pengambilan pelajar baharu bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Julai 2022 mencapai antara 31.9% hingga 98.2% walaupun sasaran tidak berubah.
 - iii. RM58.35 juta hutang tertunggak telah dihapus kira mulai tahun 2019.

1.4. FELCRA Berhad (FELCRA)

- a. Modal berbayar: RM500 juta.
- b. Aktiviti utama: Melaksanakan program Penyatuan dan Pemulihan serta perniagaan komersial.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat adalah memuaskan; dan kedudukan kewangan tahun 2019, 2020 dan 2021 tidak dapat dirumuskan.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - i. 16,113 hektar penguncutan keluasan ladang program Penyatuan dan Pemulihan.
 - ii. RM67.14 juta dividen belum agih terkumpul kepada peserta setakat bulan April 2022.
 - iii. 73 (32.2%) daripada 227 tenaga kerja asing tinggal melebihi tempoh sah laku Pas Lawatan Kerja Sementara.
 - iv. Tiada pembayaran dividen oleh syarikat subsidiari direkodkan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.

- v. Kedudukan kewangan tidak dapat dirumuskan dan pembayaran dividen kepada Kerajaan tidak dapat dibuat kerana pengauditan penyata kewangan tahun 2019, 2020 dan 2021 belum dimuktamadkan.

1.5. MARA Liner Sdn. Bhd. (MARA Liner)

- a. Modal berbayar: RM15 juta.
- b. Aktiviti utama: Menjalankan perniagaan *fleet carriers*.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat pada tahap memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - i. RM15.92 juta kerugian bas berhenti-henti dan bas ekspres tahun 2019 hingga 2021.
 - ii. 11 (tahun 2019) dan 10 (tahun 2020) daripada 13 indikator KPI aspek fizikal tidak capai sasaran.
 - iii. Pencapaian perkhidmatan bas berhenti-henti antara 55.8% hingga 75.8% bagi tempoh tahun 2020 hingga bulan Julai 2022.

1.6. Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB)

- a. Modal berbayar: Tiada (syarikat berhad menurut jaminan).
 - b. Aktiviti utama: Memberi bantuan sokongan dan insentif penganjuran acara perniagaan dan sukan antarabangsa.
 - c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat pada tahap memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah kurang stabil.
 - d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - i. 101% hingga 5,139% pencapaian KPI tahun 2019 hingga 2021.
 - ii. KPI tahun 2019 tidak menggambarkan pencapaian KPI sebenar MyCEB kerana mengambil kira acara yang belum berlangsung.
 - iii. RM12 juta lebihan perbelanjaan mengurus berbanding peruntukan diterima pada tahun 2019 hingga 2021.
 - iv. Pencapaian Pelan Strategik MyCEB tidak dibincang, dipantau dan dinilai oleh Lembaga Pengarah.
2. Sebanyak 35 syor Audit telah dikemukakan kepada pihak pengurusan syarikat untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan perkara yang dilaporkan.